

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGAWAL KESELAMATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN
PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred KP11 : P1T1 RM740.62 - P1T21 RM1714.26

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : P1T1); atau
- (ii) Bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : P1T1)
- (b) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a)(i) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.